

Headline **IPT mampu julang martabat sukan kita**
Date **19. May 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **26**
Section **Sukan** Article Size **195** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



IPT mampu julang martabat sukan kita

SAYA menunggu dengan penuh minat rangka Dasar Pembangunan Sukan bagi institusi pengajian tinggi (IPT) yang dijangka diumumkan bulan ini kerana ia adalah rumusan daripada pendirian Kementerian Pengajian Tinggi yang digubal ketika Datuk Mustapa Mohamed (sekarang Menteri Pertanian dan Asas Tani) menerajui kementerian berkenaan.

Ramai yang ragu-ragu dengan sukan peringkat IPT kerana bagi mereka, usia atlitnya agak lanjut iaitu antara 18 dan 22 tahun, jika diambil kira dari aspek pembangunan atau pencarian bakat.

Namun, saya berpendapat biarlah lambat asalkan ada usaha berterusan kerana ramai ahli sukan yang muncul agak lewat dan hanya terserlah bakatnya ketika mendaki usia remaja.

Selain itu, dengan menjadikan sukan sebagai suatu kegiatan penting di kampus, kehidupan pelajar akan menjadi bertambah ceria dan pertandingan dapat mengasah bakat, keyakinan dan kesediaan untuk bertanding, sekali gus menjadikan pelajar IPT berketrampilan dan kompetitif.

Hakikatnya, jika mengikut apa yang dikatakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin baru-baru ini, dasar pembangunan sukan IPT bertujuan membolehkan bidang sukan diberikan perhatian secara seragam.

Saya yakin Khaled mempunyai minat mendalam mengenai perkara ini dan selepas mempengerusikan mesyuarat kedua Jawatankuasa Induk

Sukan Universiti Asean di Putrajaya, 26 April lalu, beliau memberi jaminan kementerian mengambil inisiatif membentuk satu dasar bagi kegunaan dan rujukan semua universiti, sekali gus mewujudkan budaya bersukan di kalangan penuntut.

Membudayakan sukan ini bukan sekadar untuk pertandingan tetapi lebih penting melahirkan pelajar IPT yang sihat dan cergas serta akan terus menjadikan budaya selepas mereka tamat belajar, bukannya produk menara gading yang 'kurang bermaya'.

Selain itu, dasar ini dapat menyelenggarakan aktiviti sukan di seluruh IPT, pemilihan dan penggalakan sukan dan dalam jangka panjang, memberi kekuatan untuk sukan negara, atau setidaknya tidaknya melebarkan lagi ruang untuk pemilihan mewakili negara.

Dasar yang terancang tidak akan menimbulkan kebimbangan kepada penuntut untuk meneruskan kegiatan sukan kerana pasti rugi sekiranya segala kemudahan sukan moden dan canggih di IPT tidak digunakan sepenuhnya.

Kita mungkin tertanya-tanya apakah sumbangan IPT kepada sukan negara. Persoalan terjawab apabila enam atlit dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Roslinda Samsu (olahraga), Chew Che Chan dan Elaine Teoh (taekwondo), Cheng Chu Sian dan Wan Mohd Khalmizan Wan Abdul Aziz (memanah) serta Leong Mun Yee (terjun) melayakkan diri secara merit mewakili negara di Sukan Olimpik Beijing, Ogos depan.

Ini membuktikan IPT boleh menyumbang kepada kemajuan dan prestij sukan negara jika dilakukan secara sistematik dan terancang.

Kerana itu saya amat yakin dasar yang akan diperkenalkan Kementerian Pengajian Tinggi akan mampu mencungkil bakat baru, selain menghasilkan atlit negara di peringkat antarabangsa.